



## SIARAN MEDIA

### **'PROJEK BEKALAN AIR BERIMPAK TINGGI DI BAHAGIAN SRI AMAN BERNILAI SEKITAR RM543 JUTA TUNJUK KEMAJUAN DAN PERKEMBANGAN POSITIF'**

**SRI AMAN, 5 November 2022:** Keprihatinan dan komitmen Kerajaan Sarawak melalui Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak serta Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB) Sarawak sebagai agensi pelaksana dan Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) ke atas penambahbaikan infrastruktur dan sistem bekalan air di Bahagian Sri Aman telah dizahirkan melalui pelaksanaan 14 Projek Bekalan Air berimpak tinggi dengan jumlah keseluruhan kos pembinaan sekitar RM543 Juta. Projek-projek bekalan air ini telah dirancang dengan teliti oleh pihak kerajaan dengan pelaksanaan 9 Projek Rakyat dan 5 Projek KPLB bagi menampung permintaan bekalan air yang semakin meningkat di Bahagian Sri Aman.

Di samping menambahbaik sistem bekalan air sedia ada, projek-projek ini juga dijangka akan melonjakkan taraf sosio-ekonomi masyarakat setempat dan memangkin pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan serta memberi jaminan kualiti kehidupan yang lebih baik kepada penduduk di Bahagian Sri Aman. Setakat ini, sebanyak 9 projek bernilai RM105 Juta telah siap dilaksanakan dan telah berjaya menangani isu bekalan air di beberapa kawasan di Bahagian Sri Aman.

Manakala kemajuan keseluruhan 2 projek yang masih dalam peringkat pembinaan bernilai sekitar RM129 Juta kini sedang giat dilaksanakan dan berjalan mengikut jadual yang ditetapkan untuk kemudahan dan manfaat rakyat di Bahagian Sri Aman walaupun menghadapi cabaran pelaksanaan berikutan penularan pandemik Covid-19.

Projek-projek yang sudah siap dilaksanakan adalah:

1. *Replacement and Installation of New Underground Armoured Cable from MSB Room Raw Water Intake to SSB Raw Water Pump House at Bayai Module 3*
  - Projek ini telah menambahbaik serta mempertingkatkan operasi Loji Rawatan Air Bayai Modul 3
2. Pembinaan Saluran Paip Baharu dari Skait ke Gran, Bahagian Sri Aman
  - Projek ini telah menambahbaik sistem bekalan air di kawasan Stumbin-Bijat dan memanfaatkan lebih kurang 6,300 penduduk di kawasan tersebut
3. Pembinaan Muka Sauk Baharu di Loji Rawatan Air Skrang, Bahagian Sri Aman
  - Projek ini telah menambahbaik serta mempertingkatkan operasi Loji Rawatan Air Skrang dan sekaligus memanfaatkan lebih kurang 2,200 penduduk di kawasan tersebut
4. Pembinaan Saluran Paip Baharu dari Loji Rawatan Air Seduku Agropolitan ke Tangki Air di Seduku Agropolitan (SR2 – WO4)
  - Projek ini telah menambahbaik sistem bekalan air di kawasan Seduku dan kawasan sekitarnya serta memberi impak positif kepada lebih kurang 2,800 penduduk di kawasan tersebut
5. Projek Menaiktaraf Loji Rawatan Air Bayai, Bahagian Sri Aman (SR3 – WO3)
  - Projek ini telah memberi manfaat kepada lebih kurang 54,000 penduduk di Bandar Simanggang dan kawasan sekitarnya
6. Projek SAWAS Fasa 2: Rh. David Ujan, Ng. Sepaya, Engkari, Lubok Antu
  - Projek ini telah memberi manfaat kepada lebih kurang 300 penduduk dengan membekalkan air bersih

7. Projek SAWAS Fasa 2: Rh. Rantai (Rh. Upok), Lepong Kepadang
  - Projek ini telah memberi manfaat kepada lebih kurang 100 penduduk dengan membekalkan air bersih
  
8. Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Jalan Bara-Sayat ke Kampung Soh, Bahagian Sri Aman
  - Projek ini telah memberi manfaat kepada lebih kurang 800 penduduk di Rh. Egar, Rh. Entu, Rh. Lelang, Rh. Muris dan Rh. Tan dengan menikmati bekalan air terawat
  
9. Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Batu Lintang, Bahagian Sri Aman
  - Projek ini telah memberi manfaat kepada lebih kurang 3,600 penduduk di kawasan Batu Lintang dengan menikmati bekalan air terawat

Bagi Projek Menaiktaraf Loji Rawatan Air Bayai yang sudah siap sepenuhnya dan telah beroperasi pada bulan Disember 2021, ia merupakan salah satu projek berimpak tinggi yang dilaksanakan oleh pihak JBALB Sarawak. Projek yang bernilai RM22 Juta ini telah memberi manfaat kepada lebih kurang 54,000 penduduk di Bandar Simanggang dan kawasan sekitarnya sekaligus menyelesaikan isu bekalan air di kawasan tersebut. Secara umumnya, kapasiti pengeluaran Loji Rawatan Air Bayai telah bertambah dari 33.3 Juta Liter Sehari (JLS) kepada 53.3 JLS. Penambahan kapasiti pengeluaran air ini berjaya memberi impak signifikan kepada peningkatan, penambahbaikan serta konsistensi sistem bekalan air ke seluruh Bandar Simanggang dan kawasan sekitarnya.

Manakala 2 projek di bawah peringkat pembinaan adalah:

1. Projek SAWAS Fasa 2: Banting
  - Kemajuan di tapak adalah sebanyak 10.11%. Projek ini dijangka akan memberi manfaat kepada lebih kurang 1,300 penduduk dengan membekalkan air bersih apabila siap nanti

2. Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Lubok Antu Fasa II, Bahagian Sri Aman

- Kemajuan di tapak adalah sebanyak 58.14%. Projek ini dijangka akan memanfaatkan lebih kurang 5,800 penduduk di kawasan Lubok Antu dan sekitarnya dengan membekalkan air terawat apabila siap nanti

Manakala, sebanyak 3 projek bernilai sekitar RM309 Juta di bawah peringkat perancangan, iaitu melibatkan 1 Projek Rakyat dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Sarawak dan 2 lagi projek KPLB dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan. Projek-projek tersebut adalah:

1. Proposed Raw Water Transfer from Batang Lupar to Bayai Water Treatment Plant (WTP), Sri Aman Division

- Projek ini kini di dalam peringkat penyediaan dokumen tender dan ia merupakan Pelan Jangka Masa Panjang bagi menjamin Loji Rawatan Air Bayai sentiasa mempunyai air mentah yang mencukupi untuk menampung permintaan air di Kawasan Simanggang dan kawasan sekitarnya

2. Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sistem Retikulasi Tahun 2016 – Zon 4, Sri Aman

- Projek ini dijangka tender pada suku pertama tahun 2023 dan ia akan membekalkan air terawat kepada lebih kurang 400 penduduk di Kpg Mujan, Kpg Mujat dan Kpg Nanga Mejong apabila siap nanti

3. Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Pantu Fasa III, Bahagian Sri Aman

- Projek ini dijangka tender pada suku ke-2 tahun 2023 dan ia akan membekalkan air terawat kepada lebih kurang 10,600 penduduk di kawasan Pantu apabila siap nanti

Bagi menjamin kualiti bekalan air yang lebih baik dan berterusan di Bahagian Sri Aman, JBALB Sarawak akan memastikan projek-projek yang kini dalam peringkat pelaksanaan akan disiapkan dalam jangka masa yang telah ditetapkan. Projek-projek tersebut merupakan sebahagian daripada Sistem Grid Bekalan Air Sarawak yang diilhamkan oleh YAB Premier Sarawak untuk menyelesaikan isu bekalan air secara efektif dan menyeluruh.

**-TAMAT-**

**JABATAN BEKALAN AIR LUAR BANDAR SARAWAK**